

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 8978

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan yang diterima dari tahun 2010 ke 2016 mengikut pecahan etnik dan negeri yang berjaya, yang ditolak dan yang dalam proses.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah pemohon yang telah dikeluarkan dengan Sijil Warganegara semenjak tahun 2010 sehingga April 2016 adalah seramai 43,453 orang. Daripada jumlah tersebut, permohonan tertinggi diterima daripada pemohon yang berasal daripada negara Indonesia, India dan Thailand.